

# Langkah Pengkomersialan Kraf Tangan Tradisional (Tekstil dan Seramik) Melalui Inovasi Produk di Malaysia: Suatu Kepentingan

**BITARA**

Volume 6, Issue 3, 2023: 71-83  
© The Author(s) 2023  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 20 May 2023  
Accepted: 20 June 2023  
Published: 10 July 2023

## [Commercialising Traditional Crafts (Textiles and Ceramics) Through Product Innovation in Malaysia: An Imperative]

Syed Mohamad Shahfiq Syed Mohd Suhaimi,<sup>1</sup> Wan Nor Jazmina Wan Ariffin,<sup>1</sup> Muhamad Fazil Ahmad,<sup>1</sup> Mohamad Asmawi Ibrahim,<sup>1</sup> & Farah Syazrah Mohd Ghazali<sup>2</sup>

1 Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300, Kampus Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

E-mail: [wnjazmina@unisza.edu.my](mailto:wnjazmina@unisza.edu.my)

2 Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300, Kampus Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

E-mail: [norha571@uitm.edu.my](mailto:norha571@uitm.edu.my)

\*Corresponding Author: [wnjazmina@unisza.edu.my](mailto:wnjazmina@unisza.edu.my)

### Abstrak

Kraf tangan tradisional adalah sebahagian daripada warisan kebudayaan yang diwariskan oleh generasi terdahulu kepada generasi kini untuk dipelihara. Langkah memelihara warisan ini melibatkan pelbagai kaedah termasuklah melalui pengkomersialan. Pengkomersialan kraf tangan memerlukan ia sentiasa ditambahbaik agar kekal relevan di pasaran dan sentiasa mendapat permintaan. Oleh yang demikian, antara langkah yang diambil adalah dengan melaksanakan inovasi kepada produk kraf tangan tradisional di Malaysia. Maka, kajian ini dilaksanakan bagi menilai kepentingan inovasi kepada produk kraf tangan tradisional terutama dalam bidang tekstil dan seramik, iaitu songket, batik dan labu sayong. Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan temubual bersama dengan mereka yang terlibat dalam kraf tangan seperti pegawai dari Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia), Institut Kraf Negara (IKN), badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Yayasan Tuanku Nur Zahirah (YTNZ) dan beberapa orang pengusaha kraf tangan tersebut. Hasil kajian mendapati wujud kepentingan inovasi kepada kraf tangan tradisional iaitu seperti mengurangkan kos penghasilan produk, memudahkan pengendalian, menyingkatkan proses penghasilan, menyesuaikan dengan gaya hidup semasa, menghapuskan campur tangan orang tengah dan menarik minat belia untuk menyertai bidang kraf tangan. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak kerajaan untuk merancang dan melaksanakan lebih banyak dasar ke arah kemampunan kraf tangan tradisional di Malaysia.

**Kata kunci:** Pemeliharaan kraf tangan, Inovasi kraf tangan, Tekstil, Seramik, Kraf tangan

### Abstract

Traditional crafts are part of the cultural heritage passed down from older generations to the present generation for preservation. The initiatives taken to preserve this heritage involve various methods, including commercialisation. Commercialising crafts requires constant upgrades to remain relevant in the market and always in demand. Therefore, one of the measures taken is through the innovation of traditional craft products in Malaysia. Thus, this study assesses the importance of innovation in traditional craft products, especially in textile and ceramic, such as songket, batik, and labu sayong.

This study used a qualitative approach by interviews with individuals involved in crafts, such as officials from Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia), the Institut Kraf Negara (IKN), non-governmental organisations (NGOs) like the Yayasan Tuanku Nur Zahirah (YTNZ) and several craft entrepreneurs. The study's findings reveal that innovating traditional crafts is essential in reducing production costs, facilitating handling, streamlining the production process, adapting to contemporary lifestyles, eliminating intermediaries, and attracting youth interest to engage in the craft sector. This study is expected to assist the government in planning and conducting more research towards the sustainability of traditional crafts in Malaysia.

**Keywords:** Handicraft preservation, Handicraft innovation, Textile, Ceramics, Handicraft

**Cite This Article:**

Syed Mohamad Shahfiq Syed Mohd Suhaimi, Wan Nor Jazmina Wan Ariffin, Muhamad Fazil Ahmad, Mohamad Asmawi Ibrahim & Farah Syazrah Mohd Ghazalli. (2023). Langkah Pengkomersialan Kraf Tangan Tradisional (Tekstil dan Seramik) Melalui Inovasi Produk di Malaysia: Suatu Kepentingan [Commercialising Traditional Crafts (Textiles and Ceramics) Through Product Innovation in Malaysia: An Imperative]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(3): 71-83.

## Pengenalan

Kraf tangan tradisional adalah sebahagian daripada warisan kebudayaan yang diwariskan oleh generasi terdahulu kepada generasi kini untuk dipelihara. Langkah memelihara warisan ini melibatkan pelbagai kaedah termasuklah melalui pengkomersialan. Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan peninggalan kebudayaan yang berpotensi tinggi dalam menjana hasil pendapatan negara, salah satunya adalah warisan kraf tangan tradisional. Kraf tangan tradisional seperti batik, songket dan labu sayong mempunyai potensi pasaran yang tinggi dan masih mendapat sambutan tinggi sama ada dalam kalangan penduduk tempatan mahupun pelancong luar. Ini berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia), jualan kraf tangan pada tahun 2020 sahaja merekodkan angka sebesar RM 233,318,131.36 dengan pecahan jualan kraf tangan mengikut bidang kraf tangan seperti berikut (Kraftangan Malaysia, 2020):

Jadual 1 Jualan kraf tangan mengikut bidang pada tahun 2020

Bidang Kraf Tangan	Jualan (RM)
Tekstil	89, 334, 854.07
Hasil Rimba	54, 159, 241.12
Logam	38, 333, 769.97
Hasil Tanah	30, 079, 803.36
Aneka Kraf	21, 408, 462.84
Jumlah	233, 318, 131.36

Sumber: Laporan Tahunan Kraftangan Malaysia (2020)

Kraf tangan sebagai salah satu produk kebudayaan tempatan perlulah dipertahankan. Namun, seperti kebudayaan yang lainnya, kraf tangan turut diancam dengan isu kepupusan. Antara sebab berlakunya kepupusan kepada kraf tangan adalah seperti kesukaran dalam mendapatkan bahan mentah, peningkatan kos penghasilan, kurang pelapis dan sebagainya.

Maka, dalam menangani isu kepupusan tersebut, pelbagai langkah telah pun diambil oleh pelbagai pihak, terutamanya Kraftangan Malaysia. Antaranya adalah melalui langkah inovasi ke atas produk kraf tangan. Keseriusan pihak kerajaan melalui Kraftangan Malaysia dalam mewujudkan inovasi dalam kraf tangan diterjemahkan melalui kewujudan pusat inovasi kraf tangan seperti di Kelantan untuk kraf batik, di Terengganu untuk kraf tenun songket dan di Perak untuk kraf labu sayong. Artikel ini akan membincangkan berkaitan dengan mengapa inovasi diperlukan dalam usaha pemeliharaan kraf tangan tradisional di Malaysia.

## Latar Belakang Kajian

Inovasi dilaksanakan kepada kraf tangan untuk menangani faktor kepupusan yang dihadapi olehnya. Berdasarkan kajian yang terdahulu, dikenal pasti beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya kepupusan kepada kraf tangan, antaranya adalah kualiti serta ketahanan produk kraf tangan tersebut. Ini dapat diperhatikan dalam kes pembuatan atap singgora di Bachok, Kelantan yang menggunakan tanah liat sebagai bahan teras pembuatan. Tanah liat digunakan kerana ia dapat menjadikan atap singgora porous dan menyerap air yang kemudiannya berfungsi sebagai penyejuk rumah semulajadi (Surip, 2016). Penggunaan bahan tersebut telah menjadikan ia cepat rapuh dan tidak tahan lama (Mohamad, 2013). Akhirnya, fungsinya sebagai atap rumah digantikan dengan zink, asbestos dan seramik bergerlis. Atap singgora hari ini hanya digunakan sebagai hiasan rumah atau pada *gazebo*.

Selain daripada faktor bahan mentah, faktor estetika turut menjadi penyumbang kepada kepupusan kraf tangan. Ini dapat dilihat dalam kes pembuatan tikar mengkuang, apabila ia digantikan dengan tikar permaidani moden yang lebih berwarna-warni dengan bahan yang tahan lama (Som, 2020). Bukan hanya faktor dalaman tersebut, faktor luaran turut menyumbang kepada kepupusan kraf tangan, seperti kurangnya pelapis dalam meneruskan legasi kraf tangan tersebut, seperti yang dihadapi oleh tikar mengkuang tadi.

Maka, dalam menangani faktor-faktor kepupusan tersebut, selain daripada kempen kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat, usaha pemeliharaan melalui inovasi turut dilaksanakan. Antaranya, adalah melalui inovasi terhadap bahan mentah yang digunakan. Jika dahulu, pembuatan kraf tangan banyak bergantung kepada bahan semulajadi dan unsur alam seperti rotan, buluh, bambu dan sebagainya, kini digantikan dengan penggunaan bahan plastik atau sintetik secara sepenuhnya mahupun sebahagian sahaja dalam pembuatan kraf tangan tersebut (Salmah Omar, 2016).

Perubahan bahan mentah juga dilakukan untuk menjimatkan kos pembuatan. Ini dapat dilihat dalam pembuatan blok batik untuk kegunaan pembuatan batik cop tradisional yang dahulunya menggunakan tembaga sepenuhnya. Kini, campuran tembaga kuning dan kepingan zink digunakan dalam pembuatannya bagi tujuan pengurangan kos penghasilan (Yusop, 2019). Selain daripada bahan, inovasi juga dilaksanakan dalam cara penggunaannya. Ini juga dilihat daripada fungsi asal blok batik sebagai komponen penghasilan batik cop yang diubah cara penggunaannya menjadi kraf hiasan untuk perhiasan rumah. Ia mungkin kelihatan remeh, namun dengan cara demikian, lebih ramai orang akan terdedah dengan kraf tangan secara tidak langsung.

Setiap inovasi yang dilaksanakan mempunyai tujuan yang jelas. Sama ada untuk mengurangkan kos pengeluaran, memanjangkan jangka hayat produk, menjamin kualiti, menarik minat pengguna mahupun sebagai cara kreatif untuk memperkenalkan kraf dengan lebih luas. Inovasi tersebut bukan hanya telah menambah nilai produk kraf tersebut tetapi juga memeliharanya daripada faktor kepupusan yang telah dinyatakan.


## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian kes dalam kutipan data. Penggunaan pendekatan kualitatif adalah untuk memahami fenomena dan proses yang berlaku, serta menyediakan pemahaman yang lebih tersusun dan sistematik (Helaluddin, 2019). Sementara kaedah kajian kes pula digunakan untuk memahami fenomena, peristiwa, kebudayaan dan manusia, selari dengan pandangan Burn (1997), Yin (1994) dan Merriem (1988). Data yang dikumpulkan dalam kajian ini mencakupi data primer daripada lapangan yang disokong oleh data sekunder daripada kajian terdahulu. Teknik yang digunakan dalam mengumpulkan data di lapangan adalah teknik temubual semi-struktur. Informan yang dipilih pula adalah mereka yang terlibat dengan kraf tangan sama ada sebagai pengusaha mahupun pegawai kerajaan, terutama daripada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia).

Kajian dilaksanakan mengikut zon di semenanjung Malaysia. Dengan negeri Perak di zon Utara, negeri Kelantan dan Terengganu di zon Timur, negeri Selangor di zon Tengah dan negeri Johor di zon Selatan. Data terkumpul kemudiannya dianalisis menggunakan perisian komputer *Nvivo*.

## Hasil Kajian

Kajian mendapati terdapat beberapa kepentingan inovasi kepada kraf tangan tradisional di Malaysia. Antaranya adalah, bagi mengurangkan kos penghasilan produk, memudahkan pengendalian, meningkatkan proses penghasilan, menyesuaikan dengan gaya hidup semasa, menghapuskan campur tangan orang tengah dan menarik minat belia untuk menyertai bidang kraf tangan.



Rajah 1 Keperluan inovasi kepada kraf tangan tradisional Malaysia.

Secara ringkasnya, inovasi dilaksanakan bagi menangani faktor faktor kepupusan seperti yang disebutkan sebelum ini. Maka, pentingnya inovasi dilaksanakan bagi memastikan kraf tangan terus mampan dalam mendepani cabaran dunia masa kini.

## Mengurangkan Kos Penghasilan Produk

Dalam pembuatan batik, lilin digunakan sebagai bahan pemat warna dalam proses membatik. Sama ada dalam batik canting ataupun batik blok. Untuk itu, lilin perlu sentiasa dipanaskan bagi memastikan ia sentiasa cair. Lilin yang tidak panas akan menyukarkan proses membatik. Proses pemanasan lilin memerlukan dapur gas sentiasa dipasang semasa proses pembuatan batik. Kenaikan harga gas mempengaruhi kos pembuatan batik. Masalah ini diselesaikan melalui inovasi bahan, iaitu penggunaan bancuhan tanah liat sebagai bahan pemat warna bagi menggantikan lilin.

“Kita nak bahan yang murah dan senang orang nak buat, yang *clay* tu, yang batik blok dia pakai lilin cop atas kain, jadi kita pakai *clay* untuk cop, dia rupa rupanya dia bila halang warna, fungsi dia sama dengan lilin, kalau lilin dah naik harga, dapur dia, kena ada gas, jadi nak cop kain kena tengok pada suhu, *clay* kacau kacau cop”.(I1, T1)

Bancuhan tanah liat tidak memerlukan dapur gas sebagaimana lilin. Ia tidak perlu dipanaskan setiap masa. Cukup sekadar dibancuh dan ia terus boleh digunakan untuk penghasilan batik. Selain daripada itu, penggunaan tanah liat dapat mengurangkan kerugian kain sekiranya berlaku kesilapan dalam proses membatik.

Berbeza dengan penggunaan lilin, sekiranya berlaku kesilapan dalam proses terapan. Corak yang tersilap itu boleh dipadam dan pembaziran kain dapat dielakkan, sekaligus menjimatkan kos pengeluaran (Berita Harian, 2022).

Penggunaan tanah liat juga menjimatkan kerana ia tidak perlu melalui proses merebus kain setelah selesai proses membatik dan mewarna bagi membuang sisa lilin (Tanzizi, 2022). Ia hanya perlu dibasuh dengan bilasan biasa dan tidak memerlukan dapur gas yang menggunakan bahan api. Dapatan daripada seorang informan turut menyatakan perkara yang sama, bahawa inovasi yang dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kualiti, memudahkan proses pembuatan dan merendahkan kos pengeluaran:

“Apa yang kita *inovate* di sini adalah kepada teknik dan juga bahan, lebih kepada *improvise* bagi memudahkan dan juga mendapatkan kualiti yang lebih baik daripada sebelum dan juga akan merendahkan kos”.(I8, T1)

Meskipun inovasi dilaksanakan pada bahan mentah dalam menghasilkan produk kraf tangan, namun aspek kualiti produk tersebut masih menjadi keutamaan yang tidak boleh dipandang ringan.

## Memudahkan Pengendalian

Kraf tangan tradisional diakui memerlukan tumpuan dan ketelitian yang tinggi dalam proses pembuatannya, oleh kerana itu, ramai yang memilih untuk tidak terlibat dalam industri pembuatan kraf tangan. Namun, melalui inovasi, perkara ini dapat diatasi.

Sebagai contoh, dalam kes penggunaan tanah liat sebagai bahan ganti bagi lilin sebagai ejen pemat warna dalam proses pembuatan batik, sebenarnya memberikan kemudahan kepada pembuatnya. Penggunaan tanah liat tidak memerlukan kemahiran yang tinggi, dengan kreativiti dan kemahiran dalam menghasilkan corak sahaja, batik yang cantik boleh dihasilkan (Berita Harian, 2022). Tidak seperti penggunaan lilin, yang semestinya memerlukan pekerja yang mahir bagi mengelakkan kerugian, tertutamanya kerugian tekstil.

Selain daripada itu, penggunaan tanah liat juga meningkatkan keselamatan di tempat kerja kerana ia tidak melibatkan bahang api seperti teknik penggunaan lilin dan damar (Berita Harian, 2022). Pengusaha batik dapat bekerja dalam keadaan yang lebih selesa dan selamat.

## Menyingkatkan Proses Penghasilan

Penghasilan kraf tangan tradisional biasanya akan memakan masa yang agak lama, kerana ia dihasilkan sepenuhnya menggunakan tangan. Ini dapat dilihat dalam proses penghasilan kraf tangan yang rumit, seperti tenun songket, yang memerlukan masa sehingga sebulan untuk menghasilkan sebidang kain yang sempurna.

Permintaan yang tinggi tidak dapat dipenuhi sekiranya proses penghasilan mengambil masa yang lama. Ini seperti mana yang dinyatakan oleh seorang informan.

“Permintaan tu memang tinggi kadang kita terpaksa tolak”. (I10, T1)

Oleh yang demikian, satu pendekatan perlu diambil, bagi memastikan permintaan yang tinggi dapat dipenuhi dan dalam masa yang sama, keaslian kraf tangan tersebut dapat dipelihara. Dalam kes penghasilan tenun songket Terengganu, *heddle eyes* digunakan dalam proses mengarat.



Rajah 2 Alat tenun songket dengan karat kampung.  
Sumber: Pengkaji (2022)



Rajah 3 Alat tenun songket dengan 'heddle eyes'.

Sumber: Pengkaji (2022)

Proses mengarat dilaksanakan untuk mengasingkan benang di bahagian atas dan bawah loseng. Ia juga bertujuan untuk membuka ruang bagi melancarkan benang pakan semasa proses menenun dilaksanakan (Halimaton et. al, 2009).

Proses ini kebiasaannya akan memakan masa sehingga empat hari. Penggunaan *heddle eyes* yang menggantikan karat kampung dapat mengatasi isu ini. *Heddle eyes* dapat meningkatkan proses mengarat kepada sehari hingga dua hari sahaja. Ini seperti mana yang diterangkan oleh seorang informan.

“Jadi proses untuk *previving*, proses pembuatan tu kita singkatkan, daripada misalnya, kalau orang kampung tu dalam 4 hari dia kena balik atas lepastu bawah, dia ada empat keping tu kan jadi pembaharuan kita ada buat dekat situlah, pengusaha lain masih guna karat kampung sebab satu *heddle eye* tu harga dia singgit setengah atau dua ringgit dah, satu urat tu, jadi nilai dia tu lagi mahal dari gigi jenteralah, kalau penenun biasa paling mahal perlatan dia gigi jentera, tapi kita dekat sini *heddle eye* tu, sebab kita singkatkan masa. 4 hari kepada sehari dua hari je”.(I7, T1)

Penyingkatan masa penghasilan tidak bermakna keaslian tenun songket itu tidak dipelihara. Hanya satu komponen daripada tenun songket itu diubah. Iaitu daripada penggunaan karat kampung kepada penggunaan *heddle eyes* dan tidak diubah secara sepenuhnya, misalannya dengan penggunaan mesin. Prinsipnya adalah, permintaan perlu untuk dipenuhi tetapi tidak sehingga mengorbankan keaslian dan nilai kraf tangan tradisional tersebut.



## Menyesuaikan dengan Gaya Hidup Semasa

Rekabentuk kraf tangan tradisional terdahulu mungkin sudah tidak bersesuaian dengan gaya hidup semasa. Oleh yang demikian, terdapat beberapa inovasi yang dilaksanakan bagi menjadikan ia lebih kontemporari dan berdasarkan kepada permintaan semasa. Ini seperti mana yang diberitahu oleh seorang informan.

“Kita subjekkan bahan tradisional barang warisan untuk kita jadikan barang yang lebih kontemporari, yang *fulfilled based* kepada *demand* lah” (I8, T1)

Inovasi yang dilaksanakan tidak mengubah sifat asal sesuatu produk itu, melainkan faktor estetika dan luarannya. Ini dapat dilihat dalam kes inovasi terhadap labu sayong di Perak.

“Macam semua orang tahu labu sayong kalau air kita simpan air akan jadi dingin dan dalam *fullscale* bentuk saiz sebenar bila kita isi atau kita angkat dan kalau kita tonggengkan air itu agak berat, tapi apa *team designer* buat di sini *based* kepada kajian kajian sifat mungkin bentuknya sedikit berubah tetapi, sifat asal, kualiti air masih sama, bahan masih sama, cuma *form* sahaja kita tukar sebagai *water dispenser*”. (I8, T1)



Rajah 4 Labu sayong ala *water dispenser* dengan reka bentuk tradisional.

Sumber: Pengkaji (2022)



Kumpulan pereka dari Kraftangan Malaysia cawangan Perak telah menjalankan kajian untuk menginovasikan labu sayong tradisional kepada ala *water dispenser*. Rekabentuk yang baharu tidak memerlukan pengguna untuk mengangkat dan menonggengkan labu sayong yang berat itu, cukup hanya dengan membuka pili air yang disediakan, air dingin daripada dalam labu sayong dapat diperolehi dengan mudah. Selain daripada mudah digunakan, ia juga dapat mengurangkan risiko kemalangan dan lebih selamat untuk kegunaan setiap lapisan umur.



Rajah 5 Labu sayong ala *water dispenser* dengan reka bentuk moden.  
Sumber: Pengkaji (2022)

Terdapat dua reka bentuk labu sayong ala *water dispenser* yang diperkenalkan. Jenis yang pertama masih mengekalkan bentuk labu dengan tambahan warna warna moden yang lebih terang dan menarik. Jenis yang kedua pula diwarnaka dengan warna hitam *metallic* dengan reka bentuk silinder dan motif yang lebih moden. Kedua duanya masih mengekalkan sifat asal labu sayong tradisional.

Inovasi ini tidak mengubah keaslian labu sayong tradisional dari segi bahan asalnya, iaitu tanah liat. Selain daripada itu, kajian telah dilaksanakan agar kualiti air yang terhasil adalah menyamai kualiti air yang disejukkan menggunakan labu sayong tradisional bagi mengelakkan risiko kepada kesihatan pengguna.


## Menghapuskan Campur Tangan Orang Tengah

Selain daripada faktor estetika kraf tangan tersebut, inovasi yang dilaksanakan sebenarnya juga menyelesaikan beberapa masalah lain. Ini termasuklah menghapuskan campur tangan orang tengah dalam penjualan hasil kerja tangan kraf. Penglibatan orang tengah sebagai penjual hasil kraf tangan menyebabkan kadar upah tidak meningkat. Ini seperti mana yang dimaklumkan oleh salah seorang informan.

“Sebab, bayangkanlah, upah seribu dia bagi ... tahun 2002, sekarang pun upah seribu juga, bayangkan berapa puluh tahun ... upah tak naik”. (I3, T1)

Kadar upah yang sama diterima sejak 21 tahun yang lalu adalah tidak bersesuaian dengan kadar hidup hari ini. Hal ini berlaku kerana wujudnya orang tengah sebagai pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menjual hasil tenunan penenun tersebut. Harga pasaran bagi sepasang kain tenun songket Terengganu asli boleh mencecah sehingga RM 7,000. Maka, kadar upah tersebut adalah tidak munasabah.

Inovasi dalam pemasaran kraf tangan melalui pendigitalan perniagaan dapat mengatasi isu ini. Kraftangan Malaysia telah memperkenalkan aplikasi telefon pintar, *Craft on The Go* yang berfungsi sebagai direktori atas talian untuk produk dan perniagaan yang berkaitan dengan kraf tangan. Di mana pengguna hanya perlu mencari jenis kraf tangan yang dimahukan mengikut kategori dan negeri, aplikasi tersebut akan memberikan alamat perniagaan tersebut, nombor pengusahanya dan maklumat produk berkenaan.



Rajah 6 Aplikasi *Craft on The Go*  
Sumber: Pengkaji (2022)

Dengan cara seperti ini, pengusaha dapat menjual hasil kraf tangan mereka tanpa perlu melalui orang tengah. Bukan itu sahaja, Kraftangan Malaysia turut memperkenalkan laman sesawang beli belah atas talian yang khusus untuk kraf tangan asli buatan Malaysia, *MyCraftShoppe*. Pengalaman membeli belah atas talian khas untuk kraf tangan kini hanya di hujung jari.

Apa yang lebih menyenangkan adalah, pengusaha dan pembuat kraf tangan tidak perlu bersusah payah untuk memikirkan soal teknikal dalam jualan atas talian tersebut, ini seperti apa yang dimaklumkan oleh seorang informan.

“Kita akan ajar macam mana nak *shoot* gambar, lepastu untuk key in dalam tu, staf kita yang akan masukkan, dia cuma tinggal *order*, buat *order*, lepastu tinggal poskan barang, tu je”.(I5, T1)

Pihak teknikal Kraftangan Malaysia akan membantu pengusaha kraf tangan untuk menyediakan gambar produk yang menarik untuk dipamerkan di dalam laman sesawang mahupun aplikasi milik Kraftangan Malaysia. Dengan cara ini, pengusaha boleh menumpukan sepenuh perhatian untuk menghasilkan mutu kraf tangan yang terbaik bagi memenuhi permintaan pelanggan, di samping menjaga mutu kualiti Kraftangan Malaysia.

Inovasi sebegini turut memberikan penyelesaian kepada pengusaha yang tidak tahu ke mana untuk memasarkan produk kraf tangan mereka. Isu ini diperkatakan oleh seorang informan.

“Salah satu punca penenun makin kurang, sebab tenun tapi tak tahu nak jual kat mana” (I7, T1)

Oleh kerana kurangnya pendedahan soal pemasaran, kebanyakan penenun kraf tangan hanya akan menjual kepada orang tengah sebagai cara yang mudah. Akibat daripada tindakan itu, mereka terdedah kepada kemungkinan eksploitasi dan mendapat kadar upah yang rendah. Kerana itulah, ramai penenun yang memilih untuk tidak menenun lagi, seperti yang diterangkan oleh informan di atas.

Inovasi dengan cara pemasaran ke arah pendigitalan perniagaan terbukti menyelesaikan banyak faktor luaran kepupusan kraf tangan, iaitu campur tangan orang tengah dan kurangnya minat untuk mengusahakan kraf kerana kadar upah rendah. Selain daripada itu, ia turut menarik minat belia untuk menyertai industri kraf.

## Menarik Minat Belia

Inovasi dalam kraf tangan juga mampu menangani faktor kurangnya penglibatan belia dalam industri pembuatan kraf tangan. Ini seperti mana yang dimaklumkan oleh beberapa orang informan.

“Macam anyaman, orang tua tua je sekarang ni, budak budak sekarang mana nak kerja semua tu, kotor. Lepastu panas, guna guna *mould*”. (I1, T1)

“Anak muda hari ini takde nak kerja di bengkel kayu, kerja kraf ni kan lasak, kotor, kalau tembaga main dengan api, kayu main dengan tukul pahat, habuk kayu, anyaman sakit tangan, jadi anak muda lagi suka kerja yang ringan di *mall*, kerja MYDIN, diorang tak nampak potensi (yang ada pada kraf) ni”.

“Isu upah yang sikit, saya tahu, penenun ni dari dulu dapat upah sikit. Sedangkan tauke, usahawan boleh jual mahal. Jadi bila anak tengok mak dia jadi penenun dari dulu sampai sekarang macam tu je, jadi anak tak minat”. (I10, T1)

Antara faktornya adalah ruang kerja yang tidak kondusif, yang kurang digemari oleh kebanyakan belia hari ini. Ini seperti mana yang dimaklumkan oleh informan informan di atas. Haba panas yang perlu dihadapi oleh pembuat kraf tangan kini dapat ditangani dengan inovasi seperti batik bancuhan tanah liat yang dinyatakan tadi. Walaupun belum wujud lagi inovasi

untuk mengelakkan haba pada kraf tangan yang lainnya, mungkin di masa hadapan ia akan wujud. Sedikit sebanyak dapat menarik minat orang muda untuk berjinak-jinak dengan seni pembuatan kraf tangan.

Inovasi batik tanah liat juga bagus untuk dijadikan sebagai permulaan kepada belia yang mahu mula belajar berkenaan dengan kraf tangan batik. Daripada terus menggunakan lilin yang dilihat sukar dan memerlukan kemahiran yang tinggi, mereka boleh bermula dengan menggunakan bancuhan tanah liat yang dilihat lebih mudah dikendalikan.

Inovasi dari segi pemasaran kraf tangan juga dilihat mampu untuk menarik minat orang muda. Melalui pendigitalan perniagaan yang lebih mudah dikendalikan dan dinilai lebih dekat kepada belia, perniagaan kraf tangan dapat dijalankan dengan lebih kondusif.

Tanpa penglibatan orang tengah, anak muda mampu untuk menjana pendapatan mereka berdasarkan atas usaha mereka sendiri. Ini dapat menangani faktor kurang kadar upah yang dimaklumkan oleh informan di atas. Aplikasi seperti *Craft on The Go* dan laman sesawang *MyCraftShoppe* dapat membantu usahawan kraf tangan belia untuk terus memasarkan produk kraf tangan mereka tanpa melalui orang tengah. Mereka dapat menentukkan sendiri harga berdasarkan modal dan keuntungan yang ingin mereka perolehi. Memecahkan kitaran yang selama ini dihadapi oleh ibu bapa mereka mahupun pengusaha kraf tangan yang dahulunya bergantung kepada orang tengah.

## Kesimpulan

Pengkomersialan kraf tangan menjamin kelestariannya. Maka dalam memastikan kraf tangan kekal relevan dalam pasaran, pelbagai inovasi perlu diambil dalam memberikan nilai tambah kepada kraf tangan tradisional Malaysia. Dengan peredaran zaman dan kemajuan teknologi, kraf tangan tidak boleh bersifat jumud dengan tidak menerima perubahan, kerana dengan melawan arus, ia hanya akan menyebabkan ia tidak mampu bertahan lama. Tetapi perlu ditegaskan, inovasi yang dilaksanakan itu tidak boleh sehingga mengorbankan keaslian dan ketinggian falsafah kraf tangan tradisional tempatan. Kerana walau seberapa maju sesebuah bangsa, akarnya tetap kepada kebudayaan dan warisan asalnya.

## Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kerana membiayai kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) RR 426 dan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyempurnaan kajian ini.

## Rujukan

- Berita Harian*. (2022, Februari 9). Tanah liat alternatif baharu hasilkan batik di Terengganu. Retrieved from *Berita Harian Online*: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/02/920588/tanah-liat-alternatif-baharu-hasilkan-batik-di-terengganu>
- Burns, R. (1997). *Introduction to Research Methods*. South Melbourne: Addison Wesley Longman Australia.

- Halimaton Abdul Shukor, N. J. (2009). *Seni Kraf Tenunan: Motif & Teknik*. Rawang: Institut Kraf Negara.
- Helaluddin, H. W. (2019). *Analisis Data Kualitatif : Sebuah Tinjauan Teori dan Praktik*. Makassar: Sekolah Tinggi Theologia Jaffray. [https://www.researchgate.net/publication/337632237\\_Analisis\\_Data\\_Kualitatif\\_Sebuah\\_Tinjauan\\_Teori\\_Praktik](https://www.researchgate.net/publication/337632237_Analisis_Data_Kualitatif_Sebuah_Tinjauan_Teori_Praktik)
- Kraftangan Malaysia. (2020). *Laporan Tahunan 2020*. Retrieved from Kraftangan.Gov.My: <https://www.kraftangan.gov.my/info/laporan-tahunan/laporan-tahunan-2020>
- Merriam, S. B. (1988). *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. Wiley.
- Mohamad, S. (2013). Penambahbaikan atap singgora dari aspek bahan gunaan dan reka bentuk. PhD Thesis. <http://eprints.usm.my/43938/>
- Salmah Omar, P. L. (2016). Etnik dan pembentukan landskap budaya Malaysia: Seni anyaman tikar orang Ulu Sarawak. *Malaysian Journal of Society*, 12(10), 21-28.
- Som, F. A. (2020). Pemeliharaan Proses Pembuatan Seni Anyaman Tikar Mengkuang Sebagai Warisan Kearifan Tempatan Yang Diancam Kepupusan. In M. M. Bahadin, *Jurnal Warisan Tidak Ketara*, 16-28.
- Surip, S. M. (2016). Atap Singgora Pada Senibina Tradisional dan Kontemporari di Pantai Timur. *2nd International Conference on Creative Media, Design and Technology (REKA)*. Pulau Pinang.
- Tanzizi, N. H. (2022, September 19). Batik tanah liat jadi trend fesyen terkini. Retrieved from Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/wanita/fesyen/2022/09/1002078/batik-tanah-liat-jadi-trend-fesyen-terkini>
- Yin, R. K. (1994). *Case Study Research: Design and Methods* (2 ed.). Michigan: SAGE Publications.
- Yusop, M. S. (2019). Inovasi Blok Batik Tembaga sebagai Kraf Hiasan. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 3, 151-157. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2245>